

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 SEPTEMBER 2016

Deklarasi Pembangkang nafi hak 13 juta pengundi

um-18/9/2016

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
pengarang@utusan.com

■ **KUALA LUMPUR 17 SEPT.**

TINDAKAN Tun Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan Deklarasi Pembangkang kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah adalah seperti menafikan hak lebih 13 juta pengundi di negara ini.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin berkata, penyerahan deklarasi berkenaan juga dilihat hanya untuk meneruskan kelangsungan politik bekas Perdana Menteri itu.

"Mengapa perlu ada demonstrasi, mengapa perlu ada deklarasi, kenapa perlu tandatangan rakyat untuk jatuhkan Perdana Menteri atau kerajaan, tunggu

sahaja pilihan raya umum, biar rakyat pilih.

"Sebab itu kita kena kembali kepada asas iaitu berpegang kepada proses demokrasi, dia (Mahathir) bekas Perdana Menteri mesti dia lebih tahu," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Jelas Mohd. Sharkar, tindakan Mahathir tidak ubah seperti taktik pembangkang lain yang terdesak sehingga mengambil pelbagai tindakan demi mendapatkan perhatian umum sehingga sanggup menyetepikan demokrasi.

"Yang di-Pertuan Agong seorang yang bijak malah mengamalkan prinsip demokrasi kerana berkenan untuk membenarkan

Mahathir menghadap Tuanku.

"Malah saya yakin baginda tidak akan mudah menyetepikan proses demokrasi sedia ada dengan menerima deklarasi tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Shamsul Anuar Nasarah turut mempersoalkan bagaimana seorang bekas pemimpin negara yang berkaliber sanggup 'membakulsampahkan' amalan demokrasi yang sebelum ini dilaungkan-laungkan oleh beliau sendiri.

Mengulas lanjut, Shamsul Anuar berkata, kebanyakan tandatangan deklarasi itu diyakini adalah palsu seperti yang pernah dideklahkan sebelum ini.

"Ini dengan sendirinya juga



MOHD. SHARKAR SHAMSUDDIN

memperlihatkan bahawa Deklarasi Pembangkang itu tidak menggambarkan pendirian sebenar rakyat dalam negara ini.

"Ini di luar amalan kita selama ini, bagi saya ia tidak boleh digunakan sebagai asas untuk menukar sebuah kerajaan atau Perdana Menteri yang dipilih secara sah melalui sistem demokrasi yang diamalkan selama ini termasuk menentukan kedudukan Mahathir selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri," katanya.

Katanya, perkara yang patut difikirkan oleh rakyat adalah apa akan jadi kepada negara dan sebuah kerajaan jika perkara seumpama Deklarasi Pembangkang dibenarkan dalam negara ini.

"Selain menafikan hak pengundi dalam negara ini, ia juga akan menyebabkan ketidakstabilan kepada sebuah kerajaan sekali gus mengganggu pentadbiran sebuah kerajaan," jelasnya.